

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN ORKID DAN BONSAI 2014 DAN KANOPI
TAMAN BOTANI PERDANA KUALA LUMPUR**

23/05/2014

TAMAN BOTANI PERDANA, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor,
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar;

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet;

Yang Berhormat Dato' Dr Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar;

Yang Berbahagia Tan Sri Dr Ali bin Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara;

Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikhsan,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar;

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj Ahmad Phesal bin Hj Talib,
Datuk Bandar Kuala Lumpur;

Dif-Dif Kehormat;

Pihak Media Massa;

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan- Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah
kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada malam ini, di Majlis
Perasmian Pameran Orkid Dan Bonsai 2014 dan Kanopi Taman Botani Perdana
Kuala Lumpur.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana mengundang saya untuk hadir merasmikan pameran ini. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas kejayaan menganjurkan Pameran Orkid dan Bonsai Kuala Lumpur di Taman Botani Perdana buat kali yang kedua. Saya difahamkan pameran yang diadakan sebelum ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

3. Wilayah Persekutuan seperti yang kita ketahui adalah merupakan satu entiti yang unik kerana ditadbir secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia yang ditadbir urus oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri. Justeru, cabaran utama ialah Wilayah Persekutuan sentiasa dijadikan penanda aras (bench mark) oleh negeri-negeri lain dari segi perancangan dan pelaksanaan pembangunan sosioekonomi serta pembangunan masyarakat dalam arus globalisasi dan era pemodenan masa kini.

4. Kuala Lumpur sendiri kita lihat terus membangun dengan pesat dan mencapai status bandar raya bertaraf dunia dan ke arah menjadi antara 20 bandar raya paling berdaya huni menjelang tahun 2020. Saya amat yakin dengan usaha-usaha berterusan yang giat dilaksanakan di bawah Inisiatif NKEA Greater KL/Klang Valley, pastinya akan meletakkan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang memberi jaminan keselesaan dan kesejahteraan kepada warga Wilayah Persekutuan. Malah ia juga berjaya menarik lebih ramai pelabur, syarikat-syarikat multinasional dan pelancong-pelancong untuk menjadikan bandar raya ini sebagai destinasi pilihan mereka. Program Penghijauan Kuala Lumpur (Greener KL) yang dilaksanakan sehingga Disember 2013 telah mencapai tahap yang begitu memuaskan dengan sebanyak 36,178 pokok telah ditanam oleh pihak DBKL.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Inisiatif DBKL dalam menganjurkan pameran orkid dan bonsai ini adalah sejajar dengan strategi utama kempen Tahun Melawat Malaysia (Visit Malaysia Year) 2014 melalui program “we are the host...” dan penganjuran acara-acara ikonik bertaraf antarabangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Justeru, program ini amat signifikan kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sememangnya menjadi tumpuan utama para pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Melalui program seumpama ini, diharapkan sasaran

kedatangan jumlah pelancong seramai 15 juta orang serta pendapatan kepada Kuala Lumpur sebanyak RM24.9 billion melalui penganjuran acara-acara berprestij dan bertaraf antarabangsa akan tercapai.

6. Kerajaan sentiasa menggalakkan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk mengadakan program seumpama ini selaras dengan usaha untuk menjadikan Malaysia Sebuah Negara Taman Terindah Menjelang Tahun 2020. Bagi merealisasikan visi ini, perkara utama yang perlu dititikberatkan adalah bagi memupuk budaya menghargai keindahan landskap di kalangan masyarakat.

7. Saya percaya, pendekatan seperti ini akan dapat mendekatkan masyarakat dengan keindahan flora alam semulajadi. Secara tidak langsung, ia dapat menarik masyarakat untuk mengunjungi taman-taman awam, seterusnya melakukan aktiviti-aktiviti sihat di taman awam. Ini sekaligus mewujudkan satu jaringan sosial di kalangan masyarakat bagi meningkatkan interaksi dalam kehidupan kemasyarakatan.

8. Dari perspektif ekonomi, pameran seperti ini mempunyai fungsi tertentu sebagai daya tarikan kepada pelancong dalam dan luar negara yang berminat dengan orkid dan bonsai, sekaligus boleh menjana pendapatan individu dan juga negara. Terdapat peminat bonsai seperti di Jepun, China dan Taiwan yang menjadikan tumbuhan itu sebagai industri utama dan pemangkin ekonomi negara.

9. Di negara kita juga, bilangan peminat dan pengemar bonsai dan orkid juga sudah semakin meningkat. Ada yang menjadikannya sekadar hobi tetapi ada juga yang menjadikannya sumber pendapatan yang lumayan kerana nilainya yang mencecah ribuan ringgit bermula daripada harga serendah RM10 sehingga mencecah RM200,000. Ini adalah kerana kualiti bonsai di Malaysia kini adalah setaraf dengan piawaian (standard) antarabangsa. Melalui penganjuran pameran seperti ini, ia dapat membantu menjana ekonomi khususnya kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kehadiran peminat-peminat bonsai dari dalam dan luar negara.

10. Sementara bagi tanaman orkid pula, industri orkid ini mempunyai nilai jutaan ringgit dan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian jenis orkid yang unik dan eksklusif. Malah tumbuhan hiasan ini turut diminati peminat bunga di seluruh dunia dan permintaan terhadapnya terus meningkat saban tahun. Sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaian spesies orkid adalah sesuatu yang merugikan kita tidak memberi

tumpuan kepada industri tanaman hiasan tersebut. Untuk meningkatkan industri orkid tempatan agar muncul sebagai penyumbang utama di dalam industri tersebut, penyelidikan juga perlu dilakukan melalui penggunaan teknologi tinggi dan terkini.

11. Jika dahulu peminat orkid terpaksa meredah hutan untuk mendapatkan tumbuhan tersebut terutamanya bagi spesies yang unik dan eksklusif, namun, dengan teknologi terkini spesies orkid liar akan terus terpelihara, dan untuk tujuan komersial ia akan dapat dihasilkan pada skala yang lebih besar. Pada masa kini, Malaysia merupakan salah sebuah negara pengeksport tanaman dan bunga keratan orkid terpenting ke negara-negara di Asia dan Eropah. Saya difahamkan nilai eksport tanaman dan bunga keratan orkid ini mencapai RM7 juta setahun. Saya dimaklumkan juga bahawa spesies orkid yang jarang ditemui juga turut dipamerkan di pameran ini. Begitu juga dengan spesies bonsai *Wrightia religiosa* bernilai RM180,000.00 yang begitu unik turut terdapat di Pameran Orkid Dan Bonsai 2014. Pameran seperti ini perlu diteruskan sebagai usaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama penggemar orkid.

12. Saya difahamkan bahawa ada cadangan supaya Kuala Lumpur menganjurkan Asean Orchid Conference seperti yang telah diadakan di beberapa bandar raya lain di negara-negara Asean. Memandangkan sambutan daripada penggemar orkid amat menggalakan, mungkin cadangan tersebut boleh dipertimbangkan di masa akan datang. Pameran kali ini boleh dijadikan sebagai platform dalam menjana idea ke arah penganjuran tersebut yang akan menarik lebih ramai penggemar orkid ke Malaysia khususnya ke Kuala Lumpur.

13. Saya berharap agar peminat dan penggemar bonsai dan orkid akan datang beramai-ramai sepanjang pameran ini diadakan bagi memeriahkan lagi aktiviti ini dan secara tidak langsung dapat menambah ilmu, bertukar-tukar pandangan mengenai seni bonsai dan tanaman orkid bagi merencanakan lagi industri orkid dan bonsai negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Masyarakat Malaysia kini semakin bijak dalam menentukan hala tuju pembangunan negara. Sesungguhnya, kerajaan sentiasa memastikan keseimbangan dan keharmonian dalam pembangunan fizikal, di mana keseimbangan pembangunan landskap dan persekitaran adalah merupakan salah satu unsur utama pembangunan mapan bagi memastikan persekitaran

hidup yang berkualiti untuk kesejahteraan hidup rakyat.

15. Atas kesedaran ini, tercetusnya idea oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, agar sebuah kanopi kekal dibina sebagai 'venue' bagi penganjuran majlis-majlis rasmi di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur. Dengan ini, ianya boleh menjadi salah satu kemudahan yang disediakan kepada masyarakat sebagai pilihan sekiranya berhasrat untuk mengadakan acara-acara di kawasan terbuka berbanding dengan hanya diadakan di dalam dewan yang tertutup.

16. Kerajaan pada hari ini bukan sahaja komited menyediakan kemudahan asas sahaja malah memberi penekanan kepada menyediakan kemudahan yang berkualiti serta berteknologi tinggi untuk rakyat, setaraf dengan kemudahan-kemudahan yang ada di negara-negara maju.

17. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua pihak supaya kita dapat bersama-sama menjaga dan menghargai segala kemudahan awam yang disediakan agar tidak dicemari oleh perlakuan yang tidak baik.

18. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan "Pameran Orkid dan Bonsai 2014 dan pembukaan secara rasmi Kanopi, Taman Botani Perdana Kuala Lumpur".

Sekian terima kasih, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.